

KEBERKESANAN PROGRAM BANDAR SELAMAT
DARI PERSEPSI PELANCONG SINGAPURA
(KAJIAN KES: BANDARAYA JOHOR BAHRU)

AHMAD NAZRIN ARIS BIN HAJI ANUAR

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains Perancangan Pelancongan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2008

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, keselamatan merupakan antara isu utama yang sering diperkatakan. Jenayah merupakan isu utama yang sering dibangkitkan oleh pelancong apabila membincangkan tentang isu-isu keselamatan di pelancongan bandar. Rentetan dari itu, Malaysia turut tidak terkecuali melaksanakan pelbagai strategi dan salah satunya adalah dengan pengwujudan Program Bandar Selamat, iaitu program yang mempunyai 23 langkah pencegahan jenayah yakni satu strategi pencegahan jenayah melalui pendekatan pencegahan primer. Sehubungan itu, Bandaraya Johor Bahru menerusi Majlis Bandaraya Johor Bahru selaku pihak berkuasa tempatan telah mengaplikasikan Program Bandar Selamat sejak 22 November 2004 yang bertujuan mempertingkatkan lagi mutu keselamatan bukan sahaja kepada masyarakat namun terhadap pelancong. Oleh yang demikian, pelancong Singapura dijadikan responden utama di dalam kajian ini kerana mereka merupakan jumlah pelancong yang tertinggi sekali melancong ke Bandaraya Johor Bahru. Penemuan kajian mendapati bahawa aspek keselamatan semakin menjadi pilihan utama apabila memilih destinasi pelancongan. Apabila Program Bandar Selamat diaplikasikan di Bandaraya Johor Bahru, rata-rata responden menganggap kesemua langkah-langkah pencegahan jenayah di dalam Program Bandar Selamat merupakan suatu langkah yang penting di dalam menjamin keselamatan pelancong semasa berada di Bandaraya Johor Bahru. Namun dari segi keberkesanannya, keputusan yang diterima amat mengecewakan. Rata-rata responden menyatakan bahawa keberkesanan langkah pencegahan jenayah yang termaktub di dalam Program Bandar Selamat hanyalah setakat memuaskan sahaja. Diharapkan melalui kajian ini, pihak yang berkenaan akan dapat membuat penambahbaikan terhadap Program Bandar Selamat dan seterusnya mempertingkatkan lagi mutu keselamatan pelancong sehingga menganggap Bandaraya Johor Bahru sebagai destinasi pelancongan bandar yang paling selamat untuk dikunjungi.

ABSTRACT

In recent years, safety becomes one of prominent issues amongst tourist in the urban tourism. This issue has led to the implementation of Safe City Programme in Malaysia as to strengthening the urban tourism safety. In fact crimes rates appear to be common indicator among the urban tourist for measuring the urban safety. Therefore a case study has been carried out in Bandaraya Johor Bahru through Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) as a local authority which has applied Safe City Programme since 22nd November 2004 to intend more safety to the tourist. Singaporean tourists had preferred as the respondent to this study because they are a major tourists to Bandaraya Johor Bahru. When Safe City Programme had implemented in Bandaraya Johor Bahru, many respondents presume that a crime prevention step in Safe City Programme is an important steps to ensure the level of tourist's safety. But from the effectiveness, many respondents had preferred "average" to presume a crime prevention step in Bandaraya Johor Bahru. In light of findings, it is recommended that the tourism industry and law enforcement agencies co-ordinate to improve crime prevention step in Safe City Programme in Bandaraya Johor Bahru.

SENARAI KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|--------------------------|-------------------|
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | SENARAI KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xv |
| | SENARAI SINGKATAN | xvii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xviii |
| 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Penyataan Masalah | 4 |
| | 1.3 Matlamat Kajian | 7 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 7 |
| | 1.5 Skop Kajian | 8 |
| | 1.6 Kepentingan Kajian | 8 |
| | 1.7 Metodologi Kajian | 9 |
| | 1.8 Susunatur Kajian | 15 |
| | 1.9 Kesimpulan | 16 |

| | | |
|----------|--|-----------|
| 2 | PROGRAM BANDAR SELAMAT SEBAGAI KEPERLUAN KESELAMATAN DI DALAM INDUSTRI PELANCONGAN: TEORI & PRAKTIS | 17 |
| 2.1 | Pengenalan | 17 |
| 2.2 | Pelancongan Bandar Atau <i>Urban Tourism</i> Secara Umum | 18 |
| 2.3 | Keperluan Keselamatan Di Dalam Pelancongan Bandar | 28 |
| 2.4 | Program Bandar Selamat Sebagai Keperluan Keselamatan Di Dalam Pelancongan Bandar | 36 |
| 2.4.1 | Program Bandar Selamat Di Peringkat Global | 36 |
| 2.4.2 | Kewujudan Program Bandar Selamat Di Malaysia | 38 |
| 2.5 | Kesimpulan | 47 |
| 3 | KAJIAN KES: PROGRAM BANDAR SELAMAT SEBAGAI KEPERLUAN KESELAMATAN DI BANDARAYA JOHOR BAHRU, JOHOR DARUL TAKZIM | 49 |
| 3.1 | Pengenalan | 49 |
| 3.2 | Latar Belakang Johor Darul Takzim Dan Bandaraya Johor Bahru | 50 |
| 3.2.1 | Bandaraya Johor Bahru Di Bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) | 55 |
| 3.2.2 | Bandaraya Johor Bahru Di Bawah Zon Ekonomi Iskandar Malaysia | 55 |
| 3.3 | Trend Kedatangan Pelancong Singapura Ke Bandaraya Johor Bahru | 59 |
| 3.4 | Kadar Jenayah Indeks | 69 |
| 3.4.1 | Kadar Jenayah Indeks Di Bandaraya Johor Bahru | 69 |
| 3.4.2 | Kadar Jenayah Indeks Yang Melibatkan Pelancong Di Bandaraya Johor Bahru | 70 |
| 3.5 | Program Bandar Selamat Di Bandaraya Johor Bahru | 72 |
| 3.5.1 | Perlaksanaan Langkah Pencegahan Jenayah Di Bandaraya Johor Bahru | 74 |
| 3.6 | Kesimpulan | 80 |

| | | |
|----------|--|------------|
| 4 | ANALISIS KAJIAN | 82 |
| 4.1 | Pengenalan | 82 |
| 4.2 | Instrumen Kajian | 83 |
| 4.3 | Kaedah Pengumpulan Data | 84 |
| 4.4 | Kaedah Penganalisan Data | 86 |
| 4.5 | Kajian Rintis (<i>Pilot Test</i>) | 88 |
| 4.6 | Dapatan Kajian | 89 |
| 4.6.1 | Bahagian A-Profil Responden | 89 |
| 4.6.2 | Bahagian B-Ciri-Ciri Lawatan Dan Tujuan Perjalanan Responden Ke Bandaraya Johor Bahru | 92 |
| 4.6.3 | Bahagian C-Pengetahuan Responden Terhadap Keselamatan Dan Program Bandar Selamat Di Bandaraya Johor Bahru | 95 |
| 4.6.4 | Bahagian D-Pandangan Serta Persepsi Responden Terhadap Aspek Keselamatan Di Bandaraya Johor Bahru | 98 |
| 4.6.5 | Bahagian E-Keberkesanan Program Bandar Selamat Di Bandaraya Johor Bahru Dari Persepsi Responden | 107 |
| 4.7 | Kesimpulan | 132 |
| 5 | CADANGAN DAN KESIMPULAN | 137 |
| 5.1 | Pengenalan | 137 |
| 5.2 | Perbincangan Dan Rumusan Mengenai Keberkesanan Perlaksanaan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Pelancong Singapura | 138 |
| 5.2.1 | Merekabentuk Persekitaran Fizikal | 139 |
| 5.2.2 | Memperkasakan Kawasan Sasaran | 141 |
| 5.2.3 | Kegiatan Kemasyarakatan Dan Pendidikan Kesedaran Awam | 144 |
| 5.3 | Cadangan Hasil Kajian | 145 |
| 5.3.1 | Mengukuhkan Penguatkuasaan Dan Pendidikan | 145 |

| | | |
|-------|--|------------|
| 5.3.2 | Meningkatkan Keselamatan Di Tempat Tumpuan Pelancong Serta Pengangkutan Awam | 146 |
| 5.3.3 | Menambahkan Bilangan Penggunaan CCTV Dan Pondok Polis | 146 |
| 5.3.4 | Menggalakkan Tadbir Urus Yang Baik Serta Perbincangan Dengan Pihak Yang Terlibat Di Dalam Program Bandar Selamat | 147 |
| 5.3.5 | Penyediaan Sistem Latihan Yang Tetap Kepada Kakitangan Yang Terlibat Di Dalam Program Bandar Selamat | 148 |
| 5.3.6 | Meningkatkan Kesedaran Masyarakat | 148 |
| 5.4 | Limitasi Kajian | 149 |
| 5.5 | Kesimpulan | 149 |
| | RUJUKAN | 152 |
| | LAMPIRAN | 160 |

| | | |
|-----|--|-----|
| 4.3 | Tahap Kesedaran Responden Terhadap Wujudnya Program Bandar Selamat Di Bandaraya Johor Bahru | 97 |
| 4.4 | Sumber Informasi Yang Diperolehi Responden Mengenai Wujudnya Program Bandar Selamat Di Bandaraya Johor Bahru | 98 |
| 4.5 | Persepsi Responden Terhadap Bandaraya Johor Bahru Sebagai Bandar Selamat Untuk Pelancong | 99 |
| 4.6 | Jenis Jenayah Yang Pernah Dihadapi Oleh Responden Atau Seseorang Yang Mereka Kenali Semasa Melancong Ke Bandaraya Johor Bahru. | 101 |
| 4.7 | Persepsi Kedatangan Semula Responden Ke Bandaraya Johor Bahru | 131 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses perbandaran telah menimbulkan pelbagai permasalahan di kawasan bandar. Antara masalah perbandaran yang hangat diperkatakan bukan sahaja di peringkat tempatan bahkan hingga di peringkat antarabangsa adalah isu keselamatan yang dikhuatiri semakin mengancam kualiti hidup masyarakat di bandar (UN-Habitat, 1996). Healey (1995) mendakwa bahawa bandar kini sudah bertukar menjadi tempat yang berbahaya. Manakala di dalam kajian yang lain ada menyebut bahawa keadaan yang tidak selamat di bandar banyak dipengaruhi oleh proses globalisasi yang telah menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan sosial dan ruang sehingga menjadi punca kepada kewujudan “kawasan mati” di bandar sekaligus telah meningkatkan perasaan tidak selamat di kalangan masyarakat (Oncu & Weyland, 1997 dan Yuen, 2004). Cummins (1999) turut menekankan bahawa keselamatan juga menjadi salah satu ukuran untuk mencapai kehidupan yang berkualiti. Kepentingan aspek keselamatan ini telah diperakui oleh Maslow (1954) yang telah meletakkannya sebagai ukuran kedua terpenting selepas keperluan psikologi bagi mencapai kualiti hidup yang baik.

Pada dasarnya konsep bandar selamat telah diutarakan oleh Jane Jacobs seorang wartawan melalui bukunya *Life and Death of American Cities* (Hidup dan Matinya Bandar Raya Amerika) yang diterbitkan dalam tahun 1961. Sebagai seorang penghuni bandar, beliau telah mengenal pasti ciri-ciri pengwujudan bandar selamat yang akhirnya

telah diterima pakai sebagai panduan kepada perancangan bandar di Amerika Syarikat. Antara lain beliau menekankan kepada keperluan kerjasama komuniti bandar bagi meningkatkan tahap keselamatan para penghuninya (Ahmad Kamil, 2006).

Konsep bandar selamat merupakan satu pendekatan yang diambil bagi menyelesaikan isu keselamatan yang berlaku di dalam kawasan bandar. Ianya merupakan sebahagian agenda konsep *liveable cities* yang memberi fokus utama kepada masalah jenayah di bandar. Konsep bandar selamat menjadi semakin penting apabila *UN-Habitat Nations* (UN-Habitat) menekankan kepentingannya pada tahun 1996 berikutan peningkatan kadar kes jenayah di bandar seluruh dunia. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *UN-Habitat Nations*, didapati secara purata sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tempoh lima tahun, lebih separuh dari populasi dunia yang mendiami kawasan bandar dengan populasi lebih dari 100,000 penduduk menjadi mangsa kepada perbuatan jenayah (UN Habitat). Keadaan ini memberi amaran kepada kita bahawa keselamatan di kawasan bandar kini kian terancam sedangkan keselamatan juga merupakan salah satu indikator penting bagi menjamin kualiti hidup masyarakat bandar.

Program Bandar Selamat juga digunapakai di dalam sektor pelancongan. Program ini boleh digunakan apabila pelancongan bandar atau *Urban Tourism* diperkenalkan. Keperluan keselamatan di dalam pelancongan bandar mempunyai pelbagai definasi yang merangkumi pelbagai aspek seperti tahap keselamatan pelancong ketika berada di sesebuah destinasi pelancongan terutamanya di kawasan bandar-bandar besar. Kejadian jenayah seperti bunuh, ragut, culik, samun, rogol, kecurian kereta atau motorsikal dan sebagainya merupakan kejadian yang sering berlaku kepada pelancong di kawasan bandar. Selain itu Page & Mayer (1996) ada menyatakan bahawa kemalangan juga merupakan penyebab utama kepada kecederaan, kematian dan hilang daya ingatan kepada pelancong yang melancong ke destinasi pelancongan bandar. Kemalangan yang melibatkan pelancong masih merupakan sesuatu yang dihuraikan secara terhad di dalam penulisan ilmiah, meskipun keadaan ini jelas berlaku dan potensi untuk pelancong terlibat

dengan kecederaan dan kematian adalah tinggi. Senario ini boleh memusnahkan industri pelancongan dan ekonomi negara yang hanya bergantung kepada sektor pelancongan.

Di Malaysia konsep bandar selamat ini telah diutarakan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) pada awal 1998 yang mana YPJM telah mengemukakan cadangan agar kerajaan melaksanakan program yang seumpamanya sebagai langkah untuk menangani isu jenayah di Malaysia. Ianya kemudian membawa kepada pelancaran Program Bandar Selamat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 10 Ogos 2004 (Lee, 1998; Karim Selamat, 2004; Yeoh, 2006). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di negara ini selain meningkatkan tahap keselamatan pelancong di kawasan bandar.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), pada tahun 2000 hingga 2006 sahaja telah menunjukkan peningkatan kadar kes jenayah indeks di Malaysia. Sebagai contoh sejumlah 167,173 kes jenayah indeks pada tahun 2000 dicatatkan dan ianya terus meningkat dari tahun ke tahun, pada tahun 2006 pula sejumlah 198,622 kes jenayah indeks dicatatkan. Selain itu sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, sejumlah 746 aduan kes jenayah telah dilaporkan oleh pelancong di seluruh negara (Fong Po Kuan, 2008). Ini menunjukkan bahawa masalah jenayah dan tahap keselamatan yang masih rendah merupakan satu masalah yang sering menghantui masyarakat serta pelancong di Malaysia.

Di Malaysia konsep bandar selamat boleh didefinisikan sebagai bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental di samping persekitaran yang sentiasa berada dalam keadaan terpelihara (Karim Selamat, 2004). Sehingga kini, konsep bandar selamat di negara ini telah direalisasikan melalui pelaksanaan garis panduan pencegahan jenayah yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Garis panduan tersebut mengandungi 23 langkah yang mengambil pendekatan pencegahan jenayah melalui rekabentuk persekitaran fizikal, memperkasakan kawasan sasaran serta melalui pendidikan dan kegiatan kemasyarakatan. Langkah-langkah ini

perlu dilaksanakan oleh semua pihak berkuasa tempatan di peringkat majlis perbandaran dan majlis bandaraya. Dengan merealisasikan Program Bandar Selamat, diharapkan ianya mampu dijadikan satu strategi pencegahan jenayah yang menjamin tahap keselamatan penghuni bandar di samping pelancong di kawasan pelancongan bandar.

1.2 Penyataan Masalah

Konsep bandar selamat yang diperkenalkan di bawah Program Bandar Selamat UN-Habitat adalah dengan memberi tumpuan kepada usaha pencegahan jenayah berikutan meningkatnya kes tersebut terutamanya di kawasan bandar. Kadar kes jenayah yang rendah telah dijadikan salah satu indikator bagi menentukan sesebuah bandar itu sesuai didiami. Seperti mana Yuen (2004) turut memberi fokus kepada permasalahan jenayah di bandar dalam membincangkan tentang konsep bandar selamat dalam kajiannya. Malahan kajian terdahulu telah membuktikan bahawa masyarakat juga menuntut agar permasalahan jenayah hendaklah terlebih dahulu ditangani bagi mewujudkan bandar yang selamat didiami (Yuen, 2004).

Di dalam industri pelancongan, semua telah sedia maklum bahawa kejadian kemalangan yang melibatkan pelancong akan memberi kesan yang negatif kepada industri pelancongan dan faktor keselamatan dikenal pasti sebagai faktor utama dalam pemilihan destinasi (Nurul Iswani, 2006). Jika destinasi tersebut mempunyai statistik kemalangan yang melibatkan pelancong yang tinggi, maka destinasi tersebut bukanlah menjadi pilihan utama. Menurut Richard George (2003), jika pelancong berasa tidak selamat atau terancam di sesuatu destinasi, pelancong tersebut boleh membuat tanggapan negatif terhadap destinasi tersebut. Ini seterusnya akan memusnahkan industri pelancongan di destinasi berkenaan kesan dari penurunan kedatangan pelancong. Ianya akan berlaku apabila:-

- i. Pelancong mungkin tidak akan memilih untuk mengunjungi destinasi berkenaan disebabkan kadar jenayah yang tinggi.
- ii. Jika pelancong berasa tidak selamat, mereka tidak akan membuat sebarang aktiviti di luar penginapan mereka.
- iii. Pelancong yang merasa dirinya terancam atau tidak selamat tidak akan membuat kunjungan kali kedua dan tentunya tidak akan mencadangkan destinasi berkenaan kepada saudara mara dan rakan.

Justeru itu, tanggapan atau persepsi pelancong merupakan salah satu faktor utama di dalam pemilihan destinasi. Ramai sarjana barat telah mengkaji mengenai persepsi keselamatan pelancong di antaranya ialah Richard George (2003). Di dalam penulisannya, beliau telah membuat perkaitan di antara persepsi pelancong terhadap keselamatan dengan faktor sosio-demografi pelancong tersebut.

Di dalam mengatasi permasalahan berkaitan dengan aspek keselamatan di bandar, di Malaysia sebagai contoh Bandaraya Shah Alam merupakan bandar pertama di negara ini yang diisytiharkan sebagai bandar selamat. Walaubagaimanapun jika kadar kes jenayah dijadikan kayu pengukur bandar selamat, pengiktirafan yang diberikan kepada Bandaraya Shah Alam boleh dipersoalkan. Ini kerana, kajian awal sebelum ini mendapati bahawa bandaraya ini berada di tangga kelima mempunyai kadar kes jenayah indeks tertinggi berbanding bandar-bandar lain di negeri Selangor pada tahun 2005.

Bagaimana pula dengan Bandaraya Johor Bahru melalui Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang turut sama di dalam Program Bandar Selamat? Keberkesanan Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru adalah diragui. Baru-baru ini Bandaraya Johor Bahru telah digemparkan dengan kadar jenayah dan gejala sosial yang semakin meningkat setiap hari. Kejadian jenayah seperti pembunuhan, ragut, rogol dan samun telah mula menjadi paparan harian di dalam media masa dan elektronik

terutamanya di negara Singapura serta isu ini juga turut berleluasa di laman web dan blog di dalam internet. Kesan daripada kejadian jenayah tersebut telah mencemarkan nama baik Johor amnya dan Bandaraya Johor Bahru khususnya. Malahan ianya telah menjadikan pelancong antarabangsa terutamanya pelancong Singapura berasa sangsi dan takut dengan keselamatan peribadi dan harta benda mereka semasa melancong ke Bandaraya Johor Bahru.

Perlu diingat bahawa Bandaraya Johor Bahru merupakan Gerbang Selatan ke Johor dan Malaysia bagi pelancong-pelancong antarabangsa. Bandaraya Johor Bahru juga merupakan tumpuan pelancong warga Singapura. Mengikut statistik oleh Jabatan Imigresen Johor Bahru, menunjukkan bahawa seramai 7,109,090 orang pelancong Singapura melancong ke Bandaraya Johor Bahru pada tahun 2006 manakala pada tahun 2007 seramai 20,041,974 orang pelancong Singapura melancong ke Bandaraya Johor Bahru (MTPN Johor, 2008). Tidak dapat dinafikan bahawa pelancong Singapura merupakan penyumbang dan penggerak nadi ekonomi negeri Johor dan khususnya kepada Bandaraya Johor Bahru kerana kuasa perbelanjaan mereka yang tinggi.

Dengan mengaitkan situasi yang berlaku di dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat dengan industri pelancongan mengenai isu keselamatan pelancong, maka ianya boleh menimbulkan persoalan, sejauhmanakah konsep Program Bandar Selamat yang telah pun dilaksanakan mampu mengurangkan kadar jenayah indeks di Bandaraya Johor Bahru? Apakah langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah tiga strategi utama Program Bandar Selamat? Bagaimanakah persepsi pelancong Singapura terhadap kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah di dalam Program Bandar Selamat bagi menjamin keselamatan mereka? Apakah persepsi pelancong Singapura terhadap keberkesanan Program Bandar Selamat dalam menjamin keselamatan peribadi dan harta benda mereka semasa melancong ke Bandaraya Johor Bahru? Adakah persepsi responden (pelancong Singapura) terhadap kepentingan serta keberkesanan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat berbeza berdasarkan ciri-ciri demografi pelancong Singapura? Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan satu

kajian kes ke atas Bandaraya Johor Bahru bagi menjelaskan konsep bandar selamat yang telah pun digunapakai serta keberkesanan konsep tersebut terhadap keselamatan pelancong Singapura di Bandaraya Johor Bahru.

1.3 Matlamat Kajian

Meningkatkan kualiti dan jaminan keselamatan pelancong di Bandaraya Johor Bahru

1.4 Objektif Kajian

Merujuk kepada matlamat kajian yang dikemukakan, maka objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Menilai kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah tiga strategi utama Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru dari persepsi pelancong Singapura.
- ii) Mengenalpasti keberkesanan Program Bandar Selamat yang telah pun dilaksanakan di Bandaraya Johor Bahru dari persepsi pelancong Singapura.
- iii) Mengenalpasti perkaitan diantara ciri-ciri demografi pelancong Singapura terhadap kepentingan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat.

1.5 Skop Kajian

Program Bandar Selamat yang dilaksanakan di Bandaraya Johor Bahru turut mengguna pakai garis panduan pencegahan jenayah yang ditetapkan oleh JPBD. Garis panduan ini mengandungi 23 langkah pencegahan jenayah yang telah mengaplikasikan model pencegahan jenayah berasaskan kepada faktor persekitaran fizikal dan sosial. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi fokus hanya kepada langkah-langkah pencegahan jenayah yang terdapat di kawasan Bandaraya Johor Bahru sahaja.

Sehubungan itu, hanya 20 langkah pencegahan jenayah yang akan dikaji selaras dengan kehendak dan keperluan pelancong Singapura sebagai responden. Selaras dengan tujuan pelaksanaan Program Bandar Selamat, permasalahan jenayah yang dibincangkan dalam kajian ini juga hanya tertumpu kepada jenayah indeks iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda.

Sejajar dengan tujuan kajian ini dijalankan, maka sebanyak 384 borang soal selidik akan disediakan di mana kesemua responden yang dipilih terdiri dari pelancong Singapura sahaja.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dapat memperlihatkan kepada kita langkah pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan diaplikasikan kepada semua 38 buah pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya dalam usaha mewujudkan persekitaran yang selamat dan bebas jenayah untuk kesejahteraan masyarakat amnya serta pelancong khususnya. Sumbangan yang boleh diperolehi melalui kajian ini dapat disenaraikan seperti berikut:

- i) Pada kebiasaannya usaha pencegahan jenayah banyak dikaitkan dengan pihak polis. Namun demikian, kajian ini dapat memperlihatkan bagaimana pihak lain selain pihak polis turut melibatkan diri untuk membanteras jenayah. Kajian ini telah menonjolkan peranan pihak perancang pembangunan untuk menyediakan persekitaran yang selamat kepada masyarakat dan pelancong melalui perancangan reka bentuk persekitaran.
- ii) Dalam pada itu, kita akan dapat menilai sejauhmana langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah Program Bandar Selamat dapat menjamin keselamatan pelancong di Bandaraya Johor Bahru. Jaminan keselamatan ini boleh dijadikan *pull factor* di dalam mempromosikan Bandaraya Johor Bahru sebagai destinasi pelancongan bandar (*urban tourism*) yang menarik dan selamat
- iii) Secara tidak langsung, kajian ini juga akan mengetahui tahap keberkesanan Program Bandar Selamat yang telah pun dilaksanakan di Bandaraya Johor Bahru dari persepsi pelancong Singapura.

1.7 Metodologi Kajian

i. Kajian Awal

Di peringkat ini, kajian awalan akan dimulakan dengan menentukan tajuk yang dipilih berdasarkan sumber dan maklumat yang sahih dan tepat sahaja. Kajian awalan ini merangkumi pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Secara kesimpulannya kajian awalan ini dibentuk untuk menghasilkan satu struktur penulisan serta garis panduan keseluruhan kajian yang dijalankan.

ii) Kajian Literatur

Kajian literatur lebih tertumpu kepada kajian awalan yang bertujuan untuk memahami konsep dan situasi semasa Program Bandar Selamat serta hubungkaitnya dengan pelancong Singapura. Ianya diperolehi dari pelbagai sumber seperti buku dan jurnal bagi meneliti teori, konsep asas, kajian-kajian terdahulu serta pelaksanaannya di peringkat antarabangsa mahupun tempatan. Di samping itu, keperluan keselamatan di dalam pelancongan bandar atau *Urban Tourism* turut dikupas agar memenuhi objektif kajian. Sumber-sumber dari bahan berita sama ada dari media cetak atau media elektronik, laman-laman web pertubuhan yang berkaitan seperti laman web UN-Habitat dan JPBD turut digunapakai untuk mengenalpasti isu, masalah serta objektif kajian secara terperinci.

iii) Instrumen Kajian Dan Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibuat sendiri oleh pengkaji berdasarkan pernyataan masalah, matlamat dan objektif kajian. Soal selidik ini dipecahkan kepada lima bahagian iaitu:-

- i) Bahagian A - Profil responden
- ii) Bahagian B - Ciri-ciri lawatan dan tujuan perjalanan responden ke Bandaraya Johor Bahru
- iii) Bahagian C - Pengetahuan responden terhadap keselamatan dan Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru
- iv) Bahagian D - Pandangan serta persepsi responden terhadap aspek keselamatan di Bandaraya Johor Bahru

- v) Bahagian E - Menilai kepentingan dan keberkesanan Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru dari persepsi responden

Kajian ini akan menggunakan kaedah '*probability sampling*' dengan mengambilkira elemen populasi yang mana kesemua unit dalam sesuatu populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih. Kaedah ini juga akan mengurangkan "*bias*" semasa proses pemilihan responden. Berdasarkan statistik kedatangan pelancong Singapura ke Bandaraya Johor Bahru pada tahun 2006 yang mencecah 7,109,090 orang serta tahun 2007 yang mencecah 20,041,974 orang pelancong Singapura maka sebanyak 384 borang soal selidik akan disediakan di mana kesemua responden yang dipilih terdiri dari pelancong Singapura sahaja. Penentuan saiz sample ini adalah mengikut jadual persampelan Krejcie dan Morgan, 1970.

Dari aspek pengumpulan data, ianya diperolehi melalui dua sumber iaitu data primer dan data sekunder. Melalui data primer, ia akan diperolehi melalui pengamatan pengkaji terhadap kawasan kajian yang dipilih. Tiga kaedah digunakan iaitu kaedah pengamatan atau pemerhatian, kaedah temuramah dan seterusnya kaedah soal selidik. Kaedah pengamatan digunakan untuk mendapatkan pengalaman serta penghayatan pengkaji terhadap langkah pencegahan jenayah di dalam Program Bandar Selamat yang telah diaplikasikan di Bandaraya Johor Bahru.

Walaupun bagaimanapun tidak semua langkah pencegahan jenayah yang terlibat di Bandaraya Johor Bahru. Sehubungan itu, pengkaji akan memberi fokus kepada langkah pencegahan jenayah yang hanya terdapat di kawasan Bandaraya Johor Bahru sahaja yang mana langkah tersebut (lihat senarai langkah pencegahan jenayah Program Bandar Selamat di Lampiran A) akan menjadi pembolehubah-pembolehubah dalam menentukan keberkesanan program ini dari persepsi pelancong Singapura. Disamping itu, kaedah temuramah diantara pengkaji dengan pegawai yang bertanggungjawab seperti pegawai di MTPN, MBBJ dan IPD cawangan Johor Bahru Selatan akan dilakukan bagi mengetahui

perkembangan dan situasi sebenar Program Bandar Selamat serta perkaitannya dengan isu keselamatan pelancong.

Manakala data sekunder diperolehi melalui kaedah pembacaan dan penyelidikan ke atas buku serta jurnal bagi meneliti teori, konsep asas, kajian-kajian terdahulu serta pelaksanaan Program Bandar Selamat di peringkat antarabangsa dan di peringkat tempatan. Di samping itu, pengkaji juga turut menghadiri Kempen Cegah Jenayah 2007 yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan PDRM Johor di Dewan Sultan Iskandar, UTM pada 30 Oktober 2007. Melalui kempen tersebut, pengkaji dapat mengetahui perkembangan serta isu-isu jenayah yang timbul di sekitar Bandaraya Johor Bahru.

iv) Penganalisan Data

Pada peringkat ini semua data dikumpul dan dikaji berdasarkan kesesuaiannya dengan objektif dan skop penulisan. Penganalisan dibuat berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi samada dari data primer mahupun data sekunder. Perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) dan *Microsoft Excel* digunakan untuk menganalisis data atau maklumat bagi memudahkan proses sintesis dilakukan. Hasil analisis akan digunakan untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian tersebut.

v) Cadangan Dan Kesimpulan

Peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir di dalam kajian dimana segala cadangan serta kesimpulan yang dikemukakan adalah hasil daripada pengolahan data yang dikumpul serta penemuan yang diperolehi. Segala cadangan yang diberikan lebih menjurus ke arah bagaimana hendak meningkatkan lagi kualiti dan jaminan keselamatan pelancong apabila berada di Bandaraya Johor Bahru.

MENGENALPASTI PERMASALAHAN KAJIAN

- Industri pelancongan akan terjejas apabila keselamatan pelancong diabaikan serta masalah jenayah meningkat
- Pelaksanaan konsep bandar selamat di peringkat antarabangsa (UN-Habitat) serta negara Malaysia
- Program Bandar Selamat yang dilaksanakan di Bandaraya Johor Bahru diragui dengan kenaikan kadar jenayah indeks sehingga menjejaskan keselamatan pelancong Singapura khususnya

FASA 1: KAJIAN AWAL

MATLAMAT KAJIAN

- Meningkatkan kualiti dan jaminan keselamatan pelancong di Bandaraya Johor Bahru

OBJEKTIF KAJIAN

- Menilai kepentingan langkah-langkah pencegahan jenayah yang terangkum di bawah tiga strategi utama Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru
- Mengenalpasti keberkesanan Program Bandar Selamat yang telah pun dilaksanakan di Bandaraya Johor Bahru dari persepsi pelancong Singapura
- Mengenalpasti perkaitan diantara ciri-ciri demografi pelancong Singapura terhadap kepentingan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat

SKOP KAJIAN

KAJIAN LITERATUR


Pelancongan Bandar atau *Urban Tourism* Secara Umum

Program Bandar Selamat Sebagai Keperluan Keselamatan di Dalam Pelancongan Bandar

Keperluan Keselamatan di Dalam Pelancongan Bandar

PENGUMPULAN DATA

FASA 2: PENGUMPULAN DATA



Rajah 1.0: Metodologi Kajian

1.8 Susunatur Kajian

Di dalam kajian ini terdapat lima buah bab iaitu Bab Satu merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Di dalam bab ini, pengkaji akan mengenalpasti permasalahan yang membawa kepada tujuan kajian ini dijalankan. Di samping itu, bab ini turut menerangkan matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta metodologi kajian.

Bab Dua pula merupakan ulasan literatur yang akan diolah oleh pengkaji tentang topik yang berkaitan dengan aspek jenayah dan perbandaran secara umum serta di dalam konteks pelancongan bandar (*Urban Tourism*). Ianya akan memberi pemahaman yang lebih jelas tentang isu yang membawa kewujudan Program Bandar Selamat dari peringkat antarabangsa sehinggalah ke peringkat tempatan. Sementara keperluan aspek keselamatan di dalam industri pelancongan juga turut dikupas serta dibuat penilaian. Konsep keseluruhan kajian diperbincangkan berdasarkan kepada pelbagai bahan bacaan termasuklah kajian-kajian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Di samping itu, di dalam bab ini juga turut memuatkan kerangka teoritikal tentang konsep bandar selamat dan pencegahan jenayah dari aspek negara Malaysia.

Bab Tiga merupakan bab yang menerangkan secara terperinci berkenaan kawasan kajian iaitu Bandaraya Johor Bahru. Trend kedatangan pelancong Singapura, kadar jenayah indeks serta strategi Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru turut ditekankan dan dikupas dengan lebih lanjut.

Bab Empat merupakan peringkat analisis data kajian. Analisis yang dijalankan berdasarkan kepada jumlah sampel unit yang telah diisi dengan lengkap dari kajian soal selidik responden. Maklumat-maklumat seperti profil responden, pengetahuan responden terhadap aspek keselamatan dan Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru, pandangan serta persepsi responden terhadap aspek keselamatan di Bandaraya Johor

Bahru serta menilai kepentingan dan keberkesanan strategi Program Bandar Selamat di Bandaraya Johor Bahru merupakan maklumat yang akan dihuraikan di dalam bab ini.

Bab Lima merupakan bab terakhir yang akan membincangkan berkaitan dengan cadangan dan rumusan keseluruhan kajian berdasarkan kepada hasil analisis yang diperolehi daripada responden.

1.9 Kesimpulan

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari laman web UN-Habitat serta kajian-kajian terdahulu, didapati kebanyakan bandar telah melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah sebagai langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan di bandar masing-masing. Terutama sekali bandar yang mengamalkan konsep *Urban Tourism* atau pelancongan bandar seperti Bandaraya London, Paris, Glasgow, Manchester, Bradford, Florence, Miami, Oxford, Cambridge, Venice, Disneyland, Las Vegas, Rome, Canterbury dan lain-lain lagi. Kebanyakan bandar tersebut telah mengaplikasikan ilmu perancangan dan reka bentuk bertujuan untuk mencegah kegiatan jenayah melalui rekabentuk persekitaran yang berasaskan kepada teori seperti *Defensible Space* dan *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)* yang menyatakan bahawa reka bentuk persekitaran berupaya untuk mencegah peluang-peluang kegiatan jenayah. Di Malaysia, didapati Program Bandar Selamat juga menggunakan elemen-elemen fizikal seperti yang dikemukakan oleh teori di atas bagi mewujudkan sebuah kawasan bandar yang selamat. Ianya dapat dilihat secara jelas melalui 23 langkah pencegahan jenayah yang disenaraikan oleh JPBD untuk dilaksanakan oleh setiap PBT. Sehubungan itu, di dalam bab ini telah memberikan gambaran secara asas bagaimana persoalan kajian timbul mengenai tahap keselamatan yang perlu dititikberatkan berdasarkan statistik jenayah indeks yang berlaku di dalam kawasan bandar. Perkara yang ditimbulkan telah membawa kepada tujuan kajian ini dilaksanakan serta ruang lingkup yang akan menentukan arah atau fokus utama kajian ini.

RUJUKAN

Abdullah Ahmad Badawi (2006). *Islam Hadhari: A Model Approach for Development and Progress*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Kamil, Mohamed (2006). Bandar Bebas Jenayah. *Utusan Malaysia*, 14 Ogos 2006. Tarikh capaian pada 09 Disember 2007 dari <http://www.utusanonline.com.my>

Asworth G.J (1992). Is There an Urban Tourism? *Tourism Recreation Research* 17(2): 3-8.

Ayres R L (1998). *Crime and Violence as Development Issues in Latin America and the Caribbean*. World Bank Latin America and Caribbean Studies.

Blank, U (1994). Research on Urban Tourism Destination. Di dalam J.R.B Ritchie, C.R Goeldener. *Travel, Tourism. and Hospitality Research: A Handbook for Managers and Researchers*. New York: Wiley

Cummins, R.A. (1999). *A Psychometric Evaluation of the Comprehensive Quality of Life Scale-Fifth Edition*. Singapura: National University of Singapore

Fainstein, S.S & Judd D.R. (1999). *The Tourist City*. New Haven CT: Yale University Press

Ferreira, S. & Harmse, A. (2000). Crime and Tourism in South Africa: International Tourists' Perception and Risk. *South African Geographical Journal*, m.s. 80-85.

Floyd et all (2003). The Effect of Risk Perceptions on Intentions to Travel in the Aftermath of September 11, 2001. Di dalam C.Michael Hall, Dallen J. Timothy, David Timothy (2003) *Safety and Security in Tourism: Relationship, Management and Marketing*. USA: Haworth Hospitality Press

Fong Po Kuan (2007). *Parliament: 746 Police Reports Lodged by Tourists-Victim of Crime*. Tarikh capaian pada 23 Januari 2008 dari <http://pokuan.blogspot.com/2007/09/11/parliament-746-kes-pelancong-mangsa-jenayah/>

George, R. (2003). Tourist's Perceptions of Safety and Security While Visiting Cape Town. *Journal of Tourism Management* 24, m.s. 575-585.

Gunn, C (1994). *Tourism Planning. Basics, Concepts and Cases*. New York Taylor and Francis

Gunn, C. A. & Var, T. (2002). 4th Edition. *Tourism Planning*. New York: Taylor and Francis.

Hall, C.M & O'Sullivan (1996). Tourism, Political Stability and Violence. Di dalam C.Michael Hall, Dallen J. Timothy, David Timothy (2003) *Safety and Security in Tourism: Relationship, Management and Marketing*. USA: Haworth Hospitality Press

Holcomb, J & Pizam, A (2006). Do Incidents of Theft at Tourist Destinations Have a Negative Effect on Tourists' Decisions to Travel to Affected Destinations?. Di dalam Yoel Mansfeld dan Abraham Pizam (2006) *Tourism, Security and Safety: From Theory to Practice*. UK: Elsevier Butterworth-Heinemann

Healey, P. (1995). *Introduction: The City Crisis, Change and Innovation*. Chichester: John Wiley.

Indeks Jenayah Johor Turun 14 Peratus. (6 November 2007). *Harian Metro*.

Inskip, E. (1991). *Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach*. New York: Van Nostrand Reinhold

Jabatan Imigresen Johor Bahru. *Statistik Kedatangan Pelancong Ke Johor Bahru Mengikut Negara 2004 hingga 2006*

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), (2007). Tarikh capaian pada 11 Disember 2007 dari <http://www.townplan.gov.my>.

Johor Tourism Action Council. *Risalah Johor Malaysia. Endless Excitement*. Johor Bahru.

Kamus Dewan (2002). Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karim, Sulaiman (2004). Bandar Selamat Bebas Ancaman Fizikal, Sosial dan Mental. *Berita Harian*, 26 Oktober 2004. Tarikh capaian pada 11 Disember 2007 dari <http://www.beritaharian.com.my>.

Katiman Rostam (1988) *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Pelancongan Malaysia (2007). Jumlah Pelancong Ke Johor Terus Meningkat. Tarikh capaian pada 15 Disember 2007 dari <http://www.motour.gov.my>.

Lab, S.P. (1988). *Crime Prevention: Approaches, Practices and Evaluations*. Andersons Publishing Co.

Lau Siew Cheng (2007). *Faktor-Faktor Daya Tarikan Yang Mempengaruhi Pengunjung Datang Ke Pembangunan Pelancongan Zon Pantai. Kajian Kes: Danga Bay*. Tesis Sarjana Muda.Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Law, C (2002) *Urban Tourism. Second Edition*. Great Britain: Cromwell Press, Trowbridge

Lee L.T. (1988). Perlu Segera Wujudkan Konsep Bandar Selamat. *Utusan Malaysia*, 11 Februari 1988. Tarikh capaian pada 10 Disember 2007 dari <http://www.utusanonline.com.my>.

Levin, R. I. and Rubin, D. S. (2000). *Statistik Untuk Pengurusan*. Diterjemahkan oleh Susila Munisamy dan Halimah Awang. Edisi Ketujuh. Petaling Jaya: Pearson Education Asia Pte. Ltd.

M. Parameswaran (2006). *Singaporeans Should Not Be Alarmed in JB*. Tarikh capaian pada 23 Januari 2008 dari <http://singaporekopitok.blogspot.com/2006/04/singaporeans-should-not-be-alarmed>

- Majid A.M.Z. and McCaffer, R (2000), Project Procurement System Selection Model, *Journal of Construction Engineering & Management*. Vol.126 No.3. Page176-184
- Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, MTPN (2008). *Pelawat Asing Mengikut Negara Bagi Tempoh Januari-November 2006 & Januari-November 2007*
- Maslow, A.H. (1943), *A Theory of Human Motivation*. *Psychological Review*, Vol 50.
- Maslow, A (1954) *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row
- Mathieson A and G Wall. (1982) *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Harlow: London
- MJBK Tambah 12 CCTV Lagi. 06 Januari 2008. *Mingguan Malaysia*
- Mempromosikan Negara Syria Sebagai Destinasi Pelancongan. 11 Disember 2007. *Berita Utama TV3*.
- Norila Daud (2008). RM75 juta pasang CCTV di Tempat Berisiko. *Mingguan Malaysia*, 13 Januari 2008
- Nurul Iswani, Ismail (2006). *Persepsi Keselamatan Pelancong di Kawasan Eko Pelancongan. Kajian Kes: Taman Negara, Pahang*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Oncu, A & Weyland, P (1997). *Space, Culture and Power: New Identities in Globalizing Cities*. London: Zed Books

- Page, S J (1995). *Urban Tourism*. London: Routledge
- Page, S. J. & Barker, M. (2002). *Visitors Safety in Urban Tourism Environments: The Case of Auckland, New Zealand*. Elsevier Science Ltd.
- Page, S. J. & Hall, C.M (2003). *Managing Urban Tourism*. Harlow: Pearson Education Limited
- Page, S. J. & Meyer, D. (1996). Tourist Accidents: An Exploratory Analysis. *Annals of Tourism Research*, Vol 23.
- Pain, R & Townsend, T. (2002). A Safer City Centre For All? Sense of 'Community Safety' in Newcastle Upon Tyne. *Geoforum* 33:105-119
- Pearce, P. L. (1988). *The Ulysses factor: Evaluating Visitors in Tourist Settings*. New York: Springer.
- Polis Diraja Malaysia (2007). Tarikh capaian pada 30 Disember 2007 dari <http://www.rmp.gov.my>
- Poon & Adam. (2000). How The British Will Travel 2005. Di dalam C.Michael Hall, Dallen J. Timothy, David Timothy (2003) *Safety and Security in Tourism: Relationship, Management and Marketing*. USA: Haworth Hospitality Press
- Ramli Abdul Karim (2008). Tingkat Wibawa PDRM. *Utusan Malaysia*, 10 Januari 2008. Tarikh capaian pada 10 Januari 2008 dari <http://www.utusanonline.com.my>.

- Ruhaidini Abd Kadir, Ramli Abdul Karim, Zulkifli Manzor, (2008). Imej PDRM Tidak Tercalar. *Mingguan Malaysia*, 20 Januari 2008
- Sen, G (1997) Globalisation, Justice and Equality: a Gender Perspective. *Development* 40 (2): 21-26
- Sonmez, S. F., & Graefe, A. R. (1998). Influence of Terrorism, Risk on Foreign Tourism Decisions. *Annals of Tourism Research*, 25(1), 112–144.
- Tarlow, P. E., & Muehsam, M. (1996). Theoretical Aspects of Crime as They Impact the Tourism Industry. Di dalam A. Pizam, & Y. Mansfeld (Eds.), *Tourism, Crime and International Security Issues*. Chichester: Wiley.
- Tourism Malaysia. Tarikh capaian pada 31 Disember 2007 dari
<http://www.tourism.gov.my>
- UN Habitat (1996). *Safer Cities Program*. Tarikh capaian pada 11 Disember 2007 dari
<http://www.unhabitat.org>
- Yeoh, C. (2006). 69 peratus PBT Gagal Lahirkan Bandar Selamat. *Utusan Malaysia*, 26 Februari 2006. Tarikh capaian pada 10 Disember 2007 dari
<http://www.utusanonline.com.my>
- Yuen. (2004). Safety and Dwelling in Singapore. *Cities* 21(1): 19-28

Zaharuddin Mohd Ali dan Lukman Ismail (2007). Johor Cipta Sejarah Baru. *Mingguan Malaysia*, 05 November 2007.

Zaharuddin Mohd Ali dan Lukman Ismail (2007). Khazanah Jamin Keselamatan WPI. *Mingguan Malaysia*, 05 November 2007.

Zaharuddin Mohd Ali dan Lukman Ismail (2007). PM Umum 5 Agenda WPI. *Mingguan Malaysia*, 05 November 2007.